

**PEMILIHAN MOD PENGANGKUTAN PENUMPANG ERL KE  
STESEN SENTRAL KUALA LUMPUR**

**KHAIRON ZAIREE BIN BASIRON  
SESI 2006/2007**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**NOVEMBER 2006**

## ABSTRAK

Pengangkutan awam bukan sahaja merupakan kemudahan malah ia juga berperanan mengurangkan masalah kesesakan lalulintas dan pencemaran. Walau bagaimanapun kewujudan Stesen Sentral Kuala Lumpur sebagai sebuah hub pengangkutan awam bersepadu di bandaraya masih lagi dilihat kurang mengalakkan penggunaan pengangkutan awam malah turut berlaku masalah kesesakan lalulintas di sekitar kawasan berkenaan. Pecahan *modal split* pengangkutan awam yang semakin menurun berbanding pengangkutan persendirian di Bandaraya Kuala Lumpur adalah semakin membimbangkan. Oleh itu matlamat utama kajian ini adalah bagi mengenalpasti pemilihan mod pengangkutan di kalangan penumpang ERL ke Stesen Sentral Kuala Lumpur. Pendekatan kajian yang dibuat menggunakan soal selidik sebagai cara pengumpulan maklumat utama dan penggunaan kaedah statistik sebagai analisis untuk menjawab persoalan kajian. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pecahan *modal split* pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian penumpang ERL ke Stesen Sentral Kuala Lumpur ialah 40:60 manakala kurang dari separuh penumpang ERL yang tinggal di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur yang menggunakan pengangkutan awam. Selain itu juga hasil kajian menunjukkan terdapat perhubungan bererti di antara faktor pendapatan dan tujuan penggunaan ERL dengan pemilihan mod pengangkutan penumpang ERL ke Stesen Sentral Kuala Lumpur. Faktor tempoh masa meninggalkan tempat tinggal pula dengan pemilihan mod pengangkutan menunjukkan tiada perhubungan seerti yang wujud. Beberapa cadangan turut disenaraikan sebagai salah satu idea ke arah meningkatkan lagi mutu pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur khususnya dan negara amnya.

## ABSTRACT

Generally public transportation plays role as a public services contribute to solve the traffic congestion and pollution problem. However, the new development like Kuala Lumpur Sentral Station as an urban integrated public transportation hub still does not yield much positive impact for the public transportation uses in the Kuala Lumpur city. For instance, there are still occur traffic congestions surrounding the Kuala Lumpur Sentral Station. The decreasing of the modal split between public transportation and private transportation also comes up as a crucial problem. For that reason, the goal of this study is to determine the mode choice of ERL passengers to Kuala Lumpur Sentral Station. The study approach is using the questionnaire as a main data collection method and statistical method for analyzing purpose. The finding of the study show the modal split between public transportation and private transportation of ERL passengers to Kuala Lumpur Sentral is 40:60. Meanwhile, there is less than half proportion of ERL passenger who lives surrounding Kuala Lumpur city use public transport to this station. In the meantime, the study result shows there are significant relationship between income and ERL use purpose factors with transportation mode choice of ERL passengers to Kuala Lumpur Sentral Station. Reservedly, there is no relationship between away period time factors with transportation mode choices. Finally, the numbers of suggestions have been proposed to improve the Kuala Lumpur public transportation quality.